

## 36 tahun Mohd Uzir mencorak statistik negara, galas amanah awam

● 36 Tahun Mencorak Statistik, Mengukir Legasi Bitara Negara turut didedikasikan kepada generasi belum lahir, iaitu mereka yang suatu hari nanti akan membuat keputusan berdasarkan data dikumpulkan hari ini

● Legasi Mohd Uzir ialah perubahan dalam cara kita memahami statistik, daripada nombor kepada manusia, daripada laporan kepada keputusan dan daripada data kepada amanah



Oleh Dr. Kamarul Zaman Yusoff  
bhrencana@bh.com.my

Buku *36 Tahun Mencorak Statistik, Mengukir Legasi Bitara Negara: Angka Membentuk Negara, Nilai Membentuk Manusia* bukan sekadar memoir persaraan Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin. Ia sebenarnya merakamkan evolusi statistik Malaysia melalui pengalaman seorang penjawat awam menghabiskan 36 tahun kehidupannya dalam bidang yang pada awalnya bukan pilihan kerjayanya.

Penyelaras Media di Jabatan Komunikasi Korporat, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Mohd Uzir sendiri menggambarkan dirinya sebagai 'village boy' dari Sabak Bernam, Selangor. Dilahirkan pada 8 Julai 1966, beliau memperoleh Sarjana Muda Ekonomi Analisa dari Universiti

Malaya (UM) sebelum menyertai Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 2 Januari 1990.

Ironinya, beliau pada asalnya mengikuti latihan perguruan selama enam bulan. Keadaan ekonomi ketika itu membawa beliau menghadiri temu duga Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan daripada satu keputusan yang hampir kebetulan lahiriah perjalanan selama lebih tiga dekad dalam statistik.

Jejak kerjaya dalam buku ini merekodkan seluruh perjalanan beliau daripada Perangkawan Tingkat Biasa hinggalah dilantik sebagai Ketua Perangkawan Malaysia ke-9 pada 14 Februari 2017.

Pada tahun awalnya, kenaikan pangkat lambat, gaji tidak banyak berubah dan ramai rakan memilih sektor swasta menawarkan pendapatan lebih tinggi. Namun, Mohd Uzir kekal di DOSM. Seperti dikongsikan beliau dalam wawancara dengan Media Selangor, beliau tidak melihat segala-galanya dalam ukuran 'dollars and cents'. Perkhidmatan kerajaan memberinya peluang belajar, menimba pengalaman antarabangsa dan akhirnya menyumbang semula kepada negara.

Beliau mengikuti latihan selama enam bulan di Bureau of Econo-

mic Analysis, Washington bagi mempelajari sistem akaun negara Amerika Syarikat (AS), melanjutkan pengajian sarjana di negara itu dan kemudian memperoleh PhD Ekonomi dari University of Sheffield, United Kingdom (UK).

Pengalaman itu kemudian digunakan untuk memperkukuh sistem akaun negara dan kepayaan statistik Malaysia. Buku ini turut memperlihatkan keluasan sumbangan akademik dan antarabangsa beliau melalui pelbagai lantikan universiti serta pembabit dalam badan statistik ASEAN, Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial untuk Asia dan Pasifik (ESCAP) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan institusi statistik serantau.

Namun, kekuatan sebenar buku berkenaan bukan pada panjangnya senarai jawatan beliau, tetapi terletak pada dedikasi Mohd Uzir terhadap statistik sebagai amanah awam.

Pada halaman kedua, beliau bukan sahaja mengingatkan ibu bapa, isteri dan keluarganya, tetapi turut memberi penghormatan kepada warga DOSM yang bekerja 'di sebalik setiap statistik', termasuk mereka yang namanya mungkin tidak pernah diketahui masyarakat.

Lebih menyentuh, buku itu turut didedikasikan kepada generasi belum lahir, iaitu mereka yang suatu hari nanti akan membuat keputusan berdasarkan data dikumpulkan hari ini. Palsafah ini terangkum dalam satu ungkapan penting dalam buku: 'Statistik bukan sekadar nombor. Ia adalah cerita. Tentang kehidupan rakyat.'

### Jadikan statistik lebih mudah difahami

Sebab itulah antara sumbangan terbesar Mohd Uzir ialah usaha menjadikan statistik lebih mudah difahami. Beliau sedar statistik tidak mempunyai makna sekiranya hanya difahami ahli ekonomi, perangkawan dan pembuat dasar. Orang biasa juga perlu mengetahui apa makna inflasi kepada belanja dapur mereka, apa makna kemiskinan kepada sebuah keluarga dan bagaimana data pekerjaan, pendidikan atau kos sara hidup menyentuh kehidupan sebenar.

Di bawah kepemimpinannya, DOSM berkembang daripada institusi yang secara tradisional menerbitkan indikator ekonomi kepada agensi data lebih luas. Skop statistik diperluas kepada produktiviti, ketidaksamaan, pelancongan, ekonomi digital dan bidang baharu semakin penting kepada dasar negara.

Transformasi digital menjadi antara legasi terbesarnya. OpenDOSM mengubah cara masyarakat mengakses data kerajaan daripada laporan tebal kepada platform terbuka lebih mudah diterokai.

Buku ini menunjukkan perubahan itu bukan soal teknologi semata-mata, tetapi perubahan budaya, iaitu statistik mesti sampai kepada rakyat dan boleh digunakan untuk membuat keputusan.

Pendekatan sama dapat dilihat melalui statistik subnasional Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta pembangunan MyPAKW yang cuba menterjemahkan kos

sara hidup mengikut realiti kawasan dan isi rumah. Logiknya mudah tetapi penting, iaitu kehidupan penduduk Kuala Lipis tidak sama dengan Kuala Lumpur dan purata nasional tidak semestinya menggambarkan pengalaman sebenar seseorang keluarga.

Ujian terbesar datang ketika pandemik COVID-19. Ketika negara memerlukan data dengan pantas untuk menentukan bantuan dan memahami kesan ekonomi, DOSM perlu terus bekerja dalam keadaan pergerakan terhad.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 pula terpaksa dilaksanakan dalam suasana pandemik, mempercepatkan penggunaan e-Census dan kaedah digital. Buku ini tepat apabila menggambarkan data sebagai 'kompas negara' ketika krisis.

Banci Pertanian 2024 pula membawa revolusi seterusnya. Selepas tempoh panjang tanpa banci pertanian berskala besar, DOSM kembali mengukur keadaan sebenar sektor berkenaan, daripada demografi petani dan penggunaan teknologi hingga keterjaminan makanan.

Pengembangan TaniStats memperlihatkan bagaimana statistik cuba bergerak daripada sekadar mengumpul data kepada membantu negara memahami struktur sektor strategik.

Satu lagi pencapaian penting ialah pembabit DOSM dalam pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU). Mohd Uzir menjelaskan kerja mengintegrasikan data sebenarnya sudah lama dilakukan sebelum PADU diperkenalkan secara rasmi. Kepentingannya ialah membolehkan kerajaan menggabungkan maklumat isi rumah dan sosioekonomi bagi membentuk dasar serta bantuan lebih bersasar.

Kemuncak reformasi institusi itu ialah Rang Undang-Undang (RUU) Statistik 2026 diluluskan Dewan Rakyat pada 16 Julai 2026 bagi menggantikan Akta Perangkaan 1965. Bagi Mohd Uzir, pencapaian ini antara paling signifikan dalam kerjayanya.

Undang-undang baharu ini memperkukuh peranan DOSM sebagai penyelaras Sistem Statistik Negara, membolehkan standard, klasifikasi, metodologi dan tadbir urus data diselaras merentasi kementerian dan agensi.

Ia perubahan besar. Statistik negara tidak lagi boleh bergerak dalam silo apabila kerajaan moden bergantung kepada data yang datang daripada pelbagai institusi.

Ringkasnya, *36 Tahun Mencorak Statistik* ialah kisah mengenai seorang penjawat awam yang bermula tanpa cita-cita menjadi perangkawan tetapi akhirnya menghabiskan hampir seluruh kehidupannya memperjuangkan kredibiliti angka negara.

Legasi Mohd Uzir bukan hanya jumlah banci dilaksanakan, portal dilancarkan atau undang-undang diperbaharui. Legasinya ialah perubahan dalam cara kita memahami statistik, daripada nombor kepada manusia, daripada laporan kepada keputusan dan daripada data kepada amanah.

Itulah sebabnya maka buku ini wajar dibaca bukan sahaja oleh ahli statistik tetapi oleh penjawat awam, pembuat dasar, ahli akademik, wartawan dan sesiapa sahaja yang mahu memahami bagaimana sebuah negara mengenali dirinya sendiri melalui angka.



Mohd Uzir menghadiahkan buku *36 Tahun Mencorak Statistik, Mengukir Legasi Bitara Negara* kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika melakukan kunjungan hormat sebelum persaraan beliau pada 8 Julai lalu.